

07 APR 1996

PM DAN ISTERI AKAN HADIRI MALAM TITIAN PEMADAM

BANDAR PUSAT JENGKA, 7 April (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan isteri, Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali akan menjadi tetamu kehormat pada majlis makan malam amal "Malam Titian PEMADAM" pada 8 Mei.

Presiden PEMADAM Kebangsaan, Datuk Megat Junid Megat Ayob hari ini berkata majlis anjuran PEMADAM Kebangsaan itu bertujuan untuk menggalakkan semangat amal jariah dan tanggungjawab sosial di kalangan orang ramai.

Ia akan diadakan di hotel Kuala Lumpur Hilton dan antara acara yang akan diadakan ialah persembahan oleh penghuni pusat-pusat serenti, kata beliau kepada pemberita di sini.

PEMADAM merayu orang ramai dan pihak swasta supaya menghulurkan sumbangan bagi meningkatkan semangat sukarelawan untuk membantu usaha membasmi penyalahgunaan dadah.

Megat Junid berkata penyumbang yang menderma RM100,000 atau lebih akan berpeluang menyampaikan cek mereka secara peribadi kepada Dr Mahathir pada majlis berkenaan.

Semua sumbangan boleh dibuat kepada PEMADAM Malaysia, 8 Jalan Ledang, 50480 Kuala Lumpur dan dikecualikan daripada cukai pendapatan. Sumbangan juga boleh dibuat menerusi akhbar-akhbar tempatan. -- Bernama.

ROS MZ AHH